S/K.KEW/PK/PK/9999/140139/57/116 Jld.11 SJ.2

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2008**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

# BEKALAN DAN PENGIRIMAN *HIGH DENSITY POLYETHYLENE PIPE* DI SELURUH MALAYSIA

## LATAR BELAKANG

1. Tempoh kontrak bagi bekalan dan pengiriman *High Density Polyethylene (HDPE) pipe* kepada semua Agensi Kerajaan di seluruh Malaysia telah berakhir pada 30 November 2007. Selepas tempoh tersebut, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya item *(HDPE) pipe* ini dikeluarkan dari Kontrak Pusat dan diwujudkan Sistem Panel untuk tempoh dua (2) tahun, **berkuatkuasa mulai 1 Disember 2007 hingga 30 November 2009**. Dengan demikian perolehan hendaklah diuruskan secara sebutharga di kalangan syarikat panel yang telah dilantik.

## TUJUAN

2. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) ini bertujuan memaklumkan semua agensi Kerajaan mengenai pelaksanaan sistem panel untuk bekalan dan pengiriman HDPE *pipe* di seluruh Malaysia bagi projek Kerajaan.

## KAEDAH PEROLEHAN

3. Agensi hendaklah memperolehi produk HDPE *pipe* yang disenaraikan dalam ***Lampiran A1, A2, A3, A4* dan *A5*** mengikut item yang dikeluarkan oleh panel pembekal yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan seperti yang tersenarai dalam lampiran tersebut. Senarai panel pembekal adalah seperti berikut:-

| Bil | Panel Pembekal | Rujukan Produk Keluaran Syarikat |
|---|---|---|
| 1 | Musa Rahman Plastic Industries Sdn. Bhd. | ***Lampiran A1*** |
| 2 | Polyolefins Pipe Sdn. Bhd. | ***Lampiran A2*** |
| 3 | Tegas Venture Sdn. Bhd. | ***Lampiran A3*** |
| 4 | Dura-Mine Sdn. Bhd. | ***Lampiran A4*** |
| 5 | Weidasar Sdn. Bhd. | ***Lampiran A5*** |

4. Perolehan hendaklah dibuat secara **sebutharga** di kalangan panel pembekal tersebut. Perolehan bernilai sehingga RM200,000 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebutharga manakala perolehan bernilai melebihi RM200,000 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

## KRITERIA PELANTIKAN PANEL PEMBEKAL

5. Panel pembekal yang telah dilantik terdiri daripada syarikat pengilang/pembuat bertaraf Bumiputera tempatan berdasarkan kriteria berikut:-

i. berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang berkaitan;
ii. bertaraf Bumiputera pada setiap masa;
iii. produk mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd., mana yang berkaitan; dan
iv. produk hendaklah tersenarai dalam senarai bahan barangan buatan tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd.

## TANGGUNGJAWAB AGENSI KERAJAAN

6. Sebelum perolehan HDPE *pipe* bagi projek-projek Kerajaan dibuat, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memastikan peraturan ini telah dipatuhi sepenuhnya. Agensi tidak dibenarkan memperolehi produk yang disenaraikan dalam ***Lampiran A1, A2, A3, A4* dan *A5*** daripada punca lain, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

7. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan senarai *Bill of Quantities (BQ)* dan dokumen perjanjian projek kerja dimasukkan syarat bahawa kontraktor mesti mendapat bekalan HDPE *pipe* dalam ***Lampiran A1, A2, A3, A4* dan *A5*** daripada pembekal yang telah ditetapkan. Bagi perolehan kerja yang dibuat selain daripada kaedah konvensional, keperluan atau syarat perolehan bagi produk yang tersenarai di kalangan panel yang dilantik hendaklah dijadikan sebagai **syarat mandatori** dalam dokumen tender dan dokumen perjanjian. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, kontraktor hendaklah mengemukakan salinan *delivery order* kepada Agensi semasa membuat tuntutan bayaran kemajuan.

8. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan jika prestasi panel pembekal kurang memuaskan.

## KUAT KUASA

9. PKP ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2007. Dengan berkuatkuasanya PKP ini, PKP Bil. 1 Tahun 2007 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' MOHAMED BIN STAPA)**
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 24 Julai 2008

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya
Semua Pegawai Kewangan Negeri

***LAMPIRAN A1***

**PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE**

**MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058**

**- MUSA & RAHMAN PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.**

| Saiz OD (mm) | Panjang Gulung | Harga Semeter (RM) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PN6 | PN8 | PN10 | PN12.5 | PN16 |
| 20 | 100/200/300 | NA | NA | NA | NA | √ |
| 25 | 100/200/300 | √ | NA | NA | √ | √ |
| 32 | 100/200/300 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 40 | 100/200/300 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 50 | 50/100 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 63 | 50/100 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 75 | 50 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 90 | 50 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 110 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 125 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 140 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 160 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 180 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 200 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 225 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 250 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 280 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 315 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 355 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 400 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 450 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 500 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 560 | 6.1/12.2 | NA | NA | √ | NA | NA |
| 630 | 6.1/12.2 | NA | NA | NA | NA | NA |

N.B NA - Item tidak dikilangkan oleh Musa Rahman Plastic Industries Sdn. Bhd.

√ – Item/produk keluaran oleh Musa Rahman Plastic Industries Sdn. Bhd.

*LAMPIRAN A2*

## PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE
## MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058
## - POLYOLEFINS PIPE BERHAD

| Saiz OD (mm) | Panjang Gulung | Harga Semeter (RM) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PN6 | PN8 | PN10 | PN12.5 | PN16 |
| 20 | 100/200/300 | NA | NA | NA | NA | √ |
| 25 | 100/200/300 | NA | NA | √ | √ | √ |
| 32 | 100/200/300 | NA | √ | √ | √ | √ |
| 40 | 100/200/300 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 50 | 50/100 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 63 | 50/100 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 75 | 50 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 90 | 50 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 110 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 125 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 140 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 160 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 180 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 200 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 225 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 250 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 280 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 315 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 355 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 400 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 450 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 500 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | √ |
| 560 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | NA |
| 630 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ | √ | NA |

N.B NA - Item tidak dikilangkan oleh Polyolefins Pipe Sdn. Bhd.

√ – Item/produk keluaran oleh Polyolefins Pipe Sdn. Bhd.

*LAMPIRAN A3*

**PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE**

**MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058**

**- TEGAS VENTURE SDN. BHD.**

| Saiz OD (mm) | Panjang Gulung | Harga Semeter (RM) | |
|---|---|---|---|
| | | PN10 | PN12.5 |
| 20 | 100/200/300 | NA | NA |
| 25 | 100/200/300 | NA | NA |
| 32 | 100/200/300 | NA | NA |
| 40 | 100/200/300 | √ | √ |
| 50 | 50/100 | NA | NA |
| 63 | 50/100 | √ | √ |
| 75 | 50 | NA | NA |
| 90 | 50 | NA | NA |
| 110 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 125 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 140 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 160 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 180 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 200 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 225 | 6.1/12.2 | √ | √ |
| 250 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 280 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 315 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 355 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 400 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 450 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 500 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 560 | 6.1/12.2 | NA | NA |
| 630 | 6.1/12.2 | NA | NA |

N.B NA - Item tidak dikilangkan oleh Tegas Venture Sdn. Bhd.

√ – Item/produk keluaran oleh Tegas Venture Sdn. Bhd.

*LAMPIRAN A4*

## PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE) PIPE
## MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058
## - DURA-MINE SDN. BHD.

| Saiz OD (mm) | Panjang Gulung | Harga Semeter (RM) |
|---|---|---|
| | | PN12.5 |
| 20 | 100/200/300 | √ |
| 25 | 100/200/300 | √ |
| 32 | 100/200/300 | √ |
| 40 | 100/200/300 | √ |
| 50 | 50/100 | √ |
| 63 | 50/100 | √ |
| 75 | 50 | √ |
| 90 | 50 | √ |
| 110 | 6.1/12.2 | √ |
| 125 | 6.1/12.2 | √ |
| 140 | 6.1/12.2 | √ |
| 160 | 6.1/12.2 | √ |
| 180 | 6.1/12.2 | √ |
| 200 | 6.1/12.2 | √ |
| 225 | 6.1/12.2 | √ |
| 250 | 6.1/12.2 | √ |
| 280 | 6.1/12.2 | √ |
| 315 | 6.1/12.2 | √ |
| 355 | 6.1/12.2 | √ |
| 400 | 6.1/12.2 | √ |
| 450 | 6.1/12.2 | √ |
| 500 | 6.1/12.2 | √ |
| 560 | 6.1/12.2 | NA |
| 630 | 6.1/12.2 | NA |

N.B NA - Item tidak dikilangkan oleh Dura-Mine Sdn. Bhd.

√ – Item/produk keluaran oleh Dura- Mine Sdn. Bhd.

***LAMPIRAN A5***

**PEMBEKALAN HIGH DENSITY POLYETHYLENE (HDPE)**
**MENGIKUT PIAWAIAN MS 1058**
**- WEIDASAR SDN. BHD.**

| Saiz OD (mm) | Panjang Gulung | Harga Semeter (RM) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | PN8 | PN10 | PN12.5 |
| 20 | 100/200/300 | NA | NA | NA |
| 25 | 100/200/300 | NA | √ | √ |
| 32 | 100/200/300 | √ | √ | √ |
| 40 | 100/200/300 | √ | √ | √ |
| 50 | 50/100 | √ | √ | √ |
| 63 | 50/100 | √ | √ | √ |
| 75 | 50 | √ | √ | √ |
| 90 | 50 | √ | √ | √ |
| 110 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 125 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 140 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 160 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 180 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 200 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 225 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 250 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 280 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 315 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 355 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 400 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 450 | 6.1/12.2 | √ | √ | √ |
| 500 | 6.1/12.2 | NA | √ | NA |
| 560 | 6.1/12.2 | NA | NA | NA |
| 630 | 6.1/12.2 | NA | NA | NA |

N.B NA - Item tidak dikilangkan oleh Weidasar Sdn. Bhd.

√ – Item/produk keluaran oleh Weidasar Sdn. Bhd.